

PKMM

dapat

siapkan

95% projek

yang diberi

UM 27 DEC 200

KUALA LUMPUR 26

Dis. — Kira-kira 95 peratus projek pembangunan yang diberi kepada Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dapat disiapkan sepanjang tempoh antara 1999 hingga 2001.

Presidennya, Datuk Roslan Awang Chik berkata, sepanjang tempoh itu pihaknya menerima kira-kira 60 projek bernilai kira-kira RM600 juta dengan jumlah tertinggi diterima pada 1999 iaitu sebanyak RM400 juta.

"Sepanjang tempoh itu setiap konsortium kita iaitu satu di setiap 14 negeri menerima antara RM40 juta dan RM60 juta," katanya.

Beliau diminta mengenai pencapaian PKMM sehingga kini dan harapan persatuan pada tahun depan.

Beliau berkata, sepanjang tempoh itu secara purata setiap konsortium menerima jumlah kontrsk yang hampir sama.

Beliau turut berpuas hati dengan pencapaian tersebut dan m&u supaya sokongan terus diberi kepada kontraktor untuk terus maju.

Roslan bagaimanapun berharap lebih banyak projek akan diberikan kepada konsortium di setiap negeri pada tahun depan.

"Kita berharap dengan Kementerian Kewangan diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad maka lebih banyak bantuan diberikan kepada kontraktor dan lebih banyak perhatian diberikan supaya pencapaian kontraktor kita tidak terbantut," katanya.

Beliau turut berharap supaya pakej rangsangan berjumlah RM4.3 bilion yang belum digunakan sepenuhnya dapat dimanfaatkan.